

Belian pukal punca harga rumah naik

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 29 SEPT.**

TINDAKAN pihak tertentu membeli rumah secara pukal terutama di kawasan berdekatan pusat bandar untuk tujuan pelaburan masa depan menyebabkan harga kediaman melonjak tinggi.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, keadaan itu turut menyukarkan lagi kumpulan rakyat B40 yang sudah terbeban dengan kos bank dan harga rumah yang tinggi.

“Mereka adalah spekulator yang membeli rumah secara

pukal dengan niat untuk menjualnya semula pada masa akan datang dan ini menjadi punca kepada kenaikan harga kediaman,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata, pelaksanaan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) juga tidak memberi kesan kepada spekulator kerana mereka boleh menunggu sehingga lima tahun untuk menjual rumah yang dibeli.

“Selain itu, harga rumah juga tidak menunjukkan penurunan sejak 10 tahun lalu dan perbezaan kemampuan wujud jika dibandingkan dengan jumlah pendapatan dahulu dan sekarang,” ujarnya.

Beliau berkata demikian

ketika diminta mengulas cadangan Bina Darulaman Berhad (BDB) agar kerajaan melonggarkan kaedah pemberian pinjaman perumahan bagi membolehkan lebih ramai rakyat memiliki kediaman sendiri.

Ahmed Razman berkata, beban kewangan yang tinggi untuk membeli kediaman menyebabkan pembeli terus memilih untuk menyewa, sekali gus menjadi faktor kepada lambakan rumah tidak terjual.

“Oleh demikian, kerajaan perlu wujudkan alternatif kepada golongan pembeli rumah kali pertama untuk mendapatkan pembiayaan selain daripada bank sama ada melalui koperasi atau agensi tertentu.

“Dengan kaedah sedemikian, pembeli boleh membeli secara sewa dan beli dan tidak terbeban dengan kos faedah dikenakan oleh pihak bank di samping harga rumah yang tinggi,” katanya.



AHMED RAZMAN



KHALID SAMAD (kiri) dan **Mazlan Lazim** memotong riben sebagai tanda penyerahan unit komuniti kepada anggota PDRM di Perumahan Awam Desa Rejang, Kuala Lumpur, semalam. -UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

Tunggakan sewa PPR RM58j

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Kadar tunggakan sewa yang gagal dijelaskan oleh penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara terkumpul sebanyak RM58 juta sehingga kini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, jumlah tunggakan itu melibatkan lebih kurang 16,000 penyewa dan tindakan penamatan hanya akan dikenakan jika

penyewa masih ingkar menjelaskannya.

“Kementerian melakukan pelbagai program untuk penghuni bagi membantu mereka menambah pendapatan, sekali gus menaik taraf hidup dan membayar tunggakan mengikut kemampuan walaupun secara ansuran,” katanya dalam sidang akhbar selepas pelancaran program Inisiatif Wilayah Peduli Komuniti Sejahtera di sini hari ini.